

**SOALAN NO. 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]**

**TARIKH : 1 NOVEMBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah langkah dan pendekatan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam mengenalpasti data dan corak atau sistem terbaik buat warga Malaysia di luar negara mendaftar dan sekali gus turut bersama membuang undi di luar negara.**

43

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melantik semua pegawai dan kakitangan Kementerian Luar Negeri yang bertugas di Pejabat Kedutaan Besar, Pejabat Pesuruhjaya Tinggi dan Pejabat Konsulat Jeneral Malaysia di luar negara sebagai Penolong Pendaftar Pemilih bagi membantu urusan pendaftaran pemilih di luar negara. Selain itu, SPR turut menyediakan Garis Panduan Pendaftaran Pemilih Oleh Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Jabatan Kerajaan) Daripada Kalangan Pegawai Dan Kakitangan Kementerian Luar Negeri sebagai panduan kepada Penolong Pendaftar Pemilih untuk melaksanakan urusan pendaftaran pemilih di luar negara.

Berhubung dengan kaedah pengundian bagi warganegara Malaysia di luar negara, SPR akan mengemukakan kertas undi melalui pos kepada setiap Pengundi Tidak Hadir (PTH) yang telah dikenal pasti untuk melaksanakan pengundian semasa Pilihan Raya Umum/ Pilihan Raya Kecil. Selain itu, SPR juga telah menyediakan kemudahan untuk mengundi melalui pos kepada warganegara Malaysia yang berada di luar negara yang mendaftar sebagai pemilih (selain PTH). Berhubung dengan perkara ini, permohonan boleh dibuat melalui Borang Permohonan Kertas Undi Pos (Pengundi Pos Luar Negara) (Borang 1B). Syarat kelayakan untuk mengundi melalui pos bagi warganegara Malaysia yang berada di luar negara adalah seperti berikut:

- (i) Berdaftar sebagai seorang pemilih;
- (ii) Tinggal di luar negara tetapi tidak termasuk warganegara yang tinggal di Singapura, wilayah selatan Thailand, Brunei, dan Kalimantan; dan
- (iii) Berada di Malaysia tidak kurang 30 hari dalam tempoh 5 tahun sebelum pembubaran Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.